



RIANG menunjukkan air Sungai Belatop di Lojing yang berselut dan kotor.

## 15 tahun 'nikmati' air sungai berselut

**Gua Musang:** "Sampai bila kami perlu berdepan masalah air Sungai Belatop yang tercemar dan berselut? Ia menjejaskan kehidupan harian kami sejak 15 tahun lalu," kata Penghulu Orang Asli Kampung Booke Lama, Riang Bujang.

Kata Riang, pihak berkaitan tidak pernah bertindak bagi mengatasi masalah itu malah pengusaha kebun sayuran juga tidak mengikut peraturan ditetapkan.

Riang berkata, ada kalanya air sungai itu dijadikan sumber utama lebih 2,000 penduduk masyarakat Orang Asli di 20 kampung sekitar Lojing dan Pos Broo-

ke jika masalah timbul membabitkan kawasan air tadahan bukit.

"Penduduk menggunakan sumber air Sungai Belatop apabila kawasan air tadahan bukit dimusnahkan pengusaha kebun sayuran.

"Pihak berkaitan perlu melawat ke perkampungan Orang Asli sekitar Lojing bagi melihat sendiri keadaan yang berlaku," katanya ditemui di Pos Brooke Lama dekat sini, semalam.

Menurut Riang, penduduk juga tidak be-

rupaya memperbaiki tadahan bukit yang kerap rosak.

"Penduduk harap pihak berkuasa dapat membela masalah kami. Pencemaran air Sungai Belatop turut menyebabkan penyakit kulit kepada kanak-kanak Orang Asli.

"Ibu bapa membenarkan anak mereka mandi di sungai berkenaan apabila tadahan air bukit rosak," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Galas, Mohd Syahbuddin Hashim mengakui kehidupan

masyarakat Orang Asli di sekitar Lojing masih terpinggir.

Katanya, ini kerana pembangunan pertanian dimonopoli pengusaha luar dari Kelantan dan mereka tidak menghiraukan keperluan Orang Asli.

"Kita akan kumpul segala maklumat mengenai masalah di hadapi Orang Asli untuk dibincangkan bersama kerajaan negeri.

"Turut akan dibincangkan ialah pewartaan tanah untuk kaum itu bagi mengelakkan tanah berkaitan terus diceroboh penduduk luar untuk dijadikan kebun tanaman sayuran," katanya.

**Penduduk guna air Sungai Belatop apabila kawasan air tadahan bukit rosak**